

D365

U 8765 BAH
HAHATHIR - KERUSI

IPOH, 6 O C O S (BERNAMA) -- PERDANA HENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR HOHAHAD BERKATA UHNO TIDAK BERNIAT UNTUK MEREbut KERUSI-KERUSI YANG DIPERUNTUKKAN KEPADA PARTI-PARTI KOHPONEN BARISAN NASIONAL.

SAHBIL HEHBERIKAN JAHINAN ITU PERDANA MENTERI BERKATA, KERUSI-KERUSI YANG DIPERUNTUKKAN KEPADA PARTI-PARTI KOMPONEN AKAN HANYA DIAMBIL JIKA DAPAT DIGANTIKAN DENGAN KERUSI-KERUSI DI KAWASAN LAIN.

SEKIRANYA TIDAK DAPAT DIGANTI DENGAN KERUSI LAIN, MAKA SUKARLAH UMNO HENDAK HEHENUHI PERHINTAAN ANGGOTA-ANGGOTANYA SUPAYA KERUSI TERTENTU DIBERIKAN KEPADA UMNO, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UHNO.

SEHASA BERUCAP HERASHIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAU UHNO BAHAGIAN GOPENG DI GOPENG DEKAT SINI, HARI INI BELIAU BERKATA UMNO BUKAN SAHAJA INGIN HENGELAKKAN PEREBUTAN DALAH PARTI, TETAPI JUGA MAHU MENGELAKKAN PEREBUTAN ANTARA PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL.

INI PENTING DEHI HEHELIHARA SEHANGAT KERJASAMA ANTARA PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL BAGI MEMASTIKAN IA TERUS KUKUH, TAMBAH BELIAU.

+INILAH HASALAH KITA. BUKANNYA KITA TIDAK MAHU MELAYANI PERHINTAAN-PERHINTAAN SEUHPAHA ITU TETAPI ADALAH KERANA KEADAAN (TIDAK MENGIZINKAN),+ KATA BELIAU. -- LAGI
1954MST 06 08 89

0374

U 8768 BAH
MAHATHIR - KERUSI 2 IPOH

KETIKA BERUCAP, DATUK SERI DR HAHATHIR YANG MENYENTUH TENTANG PENTINGNYA KERJASAMA ANTARA RAKYAT PELBAGAI KAUM, JUGA MENEGASKAN BAHAWA KERJASAMA YANG SEDIA TERJALIN ANTARA PARTI KOHPONEN BARISAN NASIONAL PERLU LAH TERUS DIPELIHARA.

PADA MASA YANG SAMA, UHNO YANG HENJADI TULANG BELAKANG KERAJAAN BARISAN NASIONAL JUGA HARUS KEKAL SEBAGAI SEBUAH PARTI YANG KUAT BAGI HEHASTIKAN GABUNGAN ITU TIDAK HENGHADAPI PERPECAHAN, KATANYA.

PERJUANGAN UMNO, KATA BELIAU, BUKAN SAHAJA MEMBERI KESAN KEPADA ORANG MELAYU TETAPI KEPADA SEHUA KAUM DAN NEGARA KESELURUHANNYA.

+KEADAAN NEGARA YANG BAIK HARI INI, AMAN DAN MENGALAMI PERTUHBUNGAN EKONOHI YANG PESAT ADALAH KERANA UMNO SEBAGAI PARTI YANG BESAR MENGETUAI BARISAN NASIONAL. ORANG MELAYU TERASA TIDAK BEGITU TERANCAH DAN HENERIHA DASAR-DASAR BARISAN NASIONAL+.

+SEKIRANYA HEREKA HERAGUI DAN TIDAK SENANG HATI DENGAN DASAR-DASAR BARISAN NASIONAL, KITA TIDAK TAHU APA YANG MUNGKIN AKAN TERJADI KEPADA NEGARA INI,+ TAHBAHNYA. -- LAGI

2011MST 06 08 89

U 8769 B A H
HAHATHIR - KERUSI 3 IPOH

DATUK SERI DR HAHATHIR BERKATA: **+SAYA BUKANLAH HENDAK MENGUGUT. SEBABNYA SEKIRANYA ORANG HELAYU HERASA SELAMAT DENGAN DASAR-DASAR BARISAN NASIONAL, HEREKA SANGGUP BEKERJASAMA DENGAN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL YANG LAIN+.**

BELIAU HENEGUR PARTI SEHANGAT 46 YANG HENDAKWA KONONNYA MEMADAILAH ORANG HELAYU HE'HPUNYAI 40 KERUSI PARLIMEN DAN MEREKA BOLEH BEKERJASAMA DENGAN PARTI-PARTI BUKAN MELAYU.

KATANYA, SEBUAH KERAJAPN YANG PERWAKILAN MELAYUNYA KECIL TIDAK AKAN DAPAT BERGERAK **KERANA** AKAN SENTIASA BERADA DALAM KETAKUTKAN, KALAU-KALAU **PARTI-PARTI LAIN** HENARIK **BALIK** SOKONGAN MEREKA, MAKA AKAN JATUHLAH KERAJAAN ITU.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, KEADAAN DALAM NEGARA TIDAK AKAN AMAN DAN TUHPUAN AKAN DIBERIKAN KEPADA **POLITIK SEMATA-MATA** KERANA KERAJAAN AKAN BERTUKAR GANTI APABILA ADA ORANG MENYEBERANG DARIPADA PARTI KERAJAAN KEPADA PARTI **PEMBANGKANG,** UNTUK MEMBERI MAJORITI KEPADA MEREKA, KATA BELIAU.

DALAM KEADAAN SEPERTI **ITU,** NEGARA TIDAK BOLEH **MENGADAKAN** DASAR-DASAR YANG BOLEH HEHBANGUNKAN **EKONOMI** NEGARA UNTUK MEMBERI MANFAAT KEPADA **SEHUA KAUM,** TAMBAH BELIAU. -- LAGI
2015MST 06 08 89

U B771 B A H
MAHATHIR - KERUSI 4 IPOH

BELIAU JUGA MENEGUR PARAPEMIMPIN PARTI SEMANGAT 46 YANG MENDAKWA KONONNYA PARTI ITU MEMPUNYAI DAN MENGHAYATI PERLEMBAGAAN UMNO TULEN, YANG DITUBUHKAN PADA TAHUN 1946.

+SAYA INGIN NYATAKAN BAHAWA UNDANG-UNDANG TUBUH YANG MEREKA LAUNG-LAUNGKAN ITU SEBENARNYA BUKAN DIGUBAL PADA TAHUN 1946. UNDANG-UNDANG TUBUH PADA TAHUN ITU SEBENARNYA TELAH BEBERAPA KALI DIPINDA DAN PERLEMBAGAAN PARTI KETIKA DIHARAMKAN, IALAH YANG DIPINDA BAGI KALI TERAKHIR PADA TAHUN 1976, + KATANYA.

MENGENAI PERTANDINGAN MEREKUT JAWATAN PADA PERINGKAT BAHAGIAN, DATUK SERI DR MAHATHIR MENGULANGI SARANANNYA SUPAYA ANGGOTA-ANGGOTA PARTI MENGELAKKAN BERLAKUNYA PEREBUTAN JAWATAN PADA PERINGKAT ITU DEMI MENGUKUHKAN PARTI.

+APA GUNANYA KITA BERTANDING DAN MENJADI KETUA BAHAGIAN DAN MUNGKIN DIPILIH SEBAGAI CALON, JIKA PEREBUTAN ITU MENGAKIBATKAN PERPECAHAN DI KALANGAN ANGGOTA PARTI DAN AKIBATNYA KITA KALAH PADA PILIHAN RAYA, + KATANYA.

BELIAU MENASIHATKAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO SUPAYA BERSABAR MENUNGGU GILIRAN UNTUK MENJADI PEMIMPIN DAN MEMELIHARA PERPADUAN PARTI KERANA APA YANG PENTING IALAH UMNO TERUS KUAT DAN MEMENANGI PILIHAN RAYA. -- LAGI

2026MST 06 08 89

U B772 BAH
MAHATHIR - KERUSI 5 IPOH (AKHIR)

KATANYA, KEBANYAKAN PEMIMPIN PERINGKAT BAWAHAN UMNO MASIH MUDA DAN MEMPUNYAI BANYAK LAGI MASA UNTUK BERTANDING MENDAPATKAN JAWATAN, ATAU TIDAK PERLUPUN BERTANDING KERANA +PIHAK YANG TWA AKAN MENGUNDURKAN DIRI DAN MEREKA AKAN MENGAMBIL TEMPAT+.

+LIHATLAH APABILA TUNKU ABDUL RAHMAN MENGUNDURKAN DIRI, TUN ABDUL RAZAK MENGAMBIL ALIH TANPA SEBARANG PERTANDINGAN. DEMIKIAN JUGA APABILA TUN RAZAK KEMBALI KE RAHMATULLAH, MAKA TUN HUSSEIN MENGAMBIL TEMPAT TANPA CABARAN DAN APABILA TUN HUSSEIN MELETAKKAN JAWATAN, SAYA MENGAMBIL ALIH, JUGA TANPA APA-APA PERTANDINGAN+.

+DENGAN ITU TIDAK ADA PERPECAHAN BERLAKU KERANA TIDAK ADA CABAR-MENCABAR DAN TANDING-BERTANDING DALAM PARTI. TETAPI APABILA DIADAKAN PERTANDINGAN (PADA APRIL 1987) AIKBATNYA IALAH PERPECAHAN,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU BERADA DALAM UMNO SELAMA 18 TAHUN SEBELUM DIBERI PELUANG MENJADI WAKIL RAKYAT DAN TIDAKPUN MEMEGANG JAWATAN KETUA BAHAGIAN TETAPI HANYA SEBAGAI ANGGOTA JAWATANKUASA BIASA.

PERDANA MENTERI BERKATA, +SETELAH 28 TAHUN DALAM UMNO, BARU (SATA) DAPAT JADI MENTERI, 30 TAHUN BARULAH BERPELUANG MENJADI TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN 36 TAHUN BARU DAPAT MENJADI PERDANA MENTERI+.

+BERAPA BANYAKKAH DARIPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO YANG ADA INI SUDAH PUN BERADA DALAM PARTI SELAMA 18 TAHUN, YANG NAK MEREKUT JAWATAN,?+ TANYA BELIAU. -- BERNAMA

2041MST 06 08 89